

Rakyat perlu bersyukur – PM

KAHERAH 26 Nov. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat Malaysia bersyukur dengan kemakmuran dan keamanan negara yang mereka nikmati selama ini.

Menurut Perdana Menteri, ia amat berbeza dengan kehidupan rakyat di negara yang kerap diancam keganasan dan kekaucuan politik.

“Kita lihat di beberapa negara Islam lain, pembangunan sukar digerakkan sehingga memberi kesan kepada kehidupan rakyat kerana tiada kestabilan politik, banyak pihak suka menimbulkan sengketa atau kekacauan selain berlaku bencana demi bencana.

“Dan kita perlu bersyukur kerana Malaysia masih menikmati kemakmuran dan keamanan selain tidak diturunkan bala serta bencana seperti menimpa banyak negara Islam lain,” katanya ketika berucap merasmikan Karnival Kerjaya Asia Barat di sini hari ini.

Berucap di depan hampir 3,000 pelajar Malaysia di Cairo International Center (CICC) di sini, Abdullah mahu perkara itu direnungi bersama bagi memastikan apa yang dinikmati oleh negara sekarang akan kekal selama-lamanya.

Menurut beliau, keamanan dan kemakmuran sebenarnya menjadi kunci kepada kejayaan Malaysia menjadi salah sebuah negara Islam yang pesat membangun.

Dengan mengambil contoh apa yang berlaku di Palestin, Perdana Menteri sedih dengan penderitaan yang dialami oleh rakyat negara itu yang nasib dan masa depan mereka ditentukan oleh kuasa luar.

Menurut beliau, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar kini menghadiri mesyuarat di Indiana, Amerika Syarikat khusus untuk membincangkan nasib Palestin.

“Adalah sesuatu yang menyedihkan mesyuarat penting untuk membuat keputusan mengenai nasib negara Palestin diadakan di sebuah negara bukan Islam dan perkara ini sewajarnya direnungi oleh umat Islam,”



ujarnya.

Perdana Menteri menambah, apa yang berlaku di Palestin itu berpunca akibat ketiadaan persefahaman antara pemimpin negara itu untuk bersatu dan kesukaran sesetengah negara Barat untuk menerima kehadiran Hamas.

Beliau percaya masalah yang berlaku di Palestin itu akan berterusan selagi kuasa Barat yang menjadi orang tengah tidak bersikap adil dalam mencari jalan penyelesaian.

Dalam ucapannya itu, Abdullah turut mengajak rakyat Malaysia berusaha untuk menambah nilai atas setiap perkara yang dirintis dan tidak mudah berpuas hati dengan apa yang mereka nikmati sekarang.

Selain itu, Perdana Menteri juga mahu mereka berani menceburi bidang-bidang baru di bawah Misi Nasional yang digerakkan oleh kerajaan bagi merealisasikan Wawasan 2020.

Menurut beliau, rakyat perlu memanfaatkan peluang untuk mencari lebih banyak ilmu dan melahirkan modal insan terutama dengan ledakan ilmu ekonomi yang menjadi trend baru dalam proses pembangunan sesebuah negara.

Sementara itu, karnival tersebut yang bertujuan mendedahkan para pelajar mengenai peluang pekerjaan dan melanjutkan pelajaran adalah julung kali diadakan untuk para pelajar Malaysia di luar negara.


Sebanyak lima agensi kerajaan dan 11 buah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) termasuk Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyertai karnival dua hari itu.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Da-

Um-27/11/2007

Keamanan dan kemakmuran sebenarnya menjadi kunci kepada kejayaan Malaysia menjadi salah sebuah negara Islam yang pesat membangun

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi berbual dengan rakan sejawatannya, Dr. Ahmad Nazeif semasa melakukan kunjungan hormat ke Pejabat Perdana Menteri Mesir itu di Kaherah, semalam.

– Bernama

tin Seri Jeanne Abdullah, beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapha Mohamed; Menteri Perdagangan Dalam Ne-

geri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie Apdal dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

– Utusan